



**Adam Kursus Kahwin**

**[www.adamkursuskahwin.com](http://www.adamkursuskahwin.com)**

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam hormat, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan IzinNya saya dapat menyiapkan 120 Checklist Persediaan Majlis Kahwin.

Saya ucapkan tahniah kepada anda yang bakal melangsungkan perkahwinan tak lama lagi. Setelah lama menanti, akhirnya dah tiba masa untuk anda merancang majlis perkahwinan sendiri. Tak sabar rasanya nak berkumpul dengan saudara-mara, kawan-kawan.. pasti meriah!

Nah saya kongsi beberapa tips untuk anda rancang majlis anda sendiri. Saya amat berharap anda mendapat manfaat daripada perkongsian ni.

Semoga majlis perkahwinan anda berjalan lancar dan semoga berbahagia ke anak cucu. Aminn...

Salam hormat,

Admin

[www.adamkursuskahwin.com](http://www.adamkursuskahwin.com)

adamkursuskahwin@gmail.com

BIL	TANDAKAN	PERKARA
<b>6 HINGGA 12 BULAN PRA-MAJLIS</b>		
1.		Pilih tarikh dan waktu bernikah di belah perempuan
2.		Pilih tarikh dan waktu majlis resepsi dan jamuan makan.
3.		Pilih lokasi majlis pernikahan, resepsi dan jamuan makan.
4.		Tetapkan tema majlis.
5.		Anggarkan jumlah tetamu dan mengumpul nama tetamu.
6.		Rancang tentatif majlis.
7.		Uruskan bajet bagi kedua belah pihak.
8.		Hubungi Qadhi dan Pejabat Agama Islam.
9.		Hubungi saksi-saksi pernikahan.
10.		Daftar dan hadiri tempat kursus perkahwinan.
11.		Tempah lokasi majlis berlangsung.
12.		Upah perunding majlis perkahwinan, (jika perlu).

13.		Pilih juruandam, (jika perlu).
14.		Pilih pengapit, pengiring serta pengacara majlis.
15.		Pilih katerer.
16.		Pilih jurufoto dan juruvideo.
17.		Pilih kedai bunga serta penghias lokasi majlis.
18.		Pilih cincin/rantai pernikahan.
19.		Pilih kumpulan persembahan (jika perlu).
20.		Pilih kek pengantin.
21.		Bincang rekaan baju.
22.		Pilih penggubah hantaran/gubah sendiri.
23.		Bincang barang dan bilangan dulang hantaran.
24.		Rancang destinasi bulan madu.
25.		Rancang tempat tinggal selepas berkahwin.
26.	<b>5 BULAN PRA-MAJLIS</b>	
27.		Himpunkan senarai tetamu.
28.		Tempah baju majlis pernikahan dan resepsi (termasuk aksesori).
29.		Tempah destinasi bulan madu.
30.		Tempah juruandam (jika perlu).
31.		Tempah penggubah bunga dan penghias lokasi majlis.

32.		Tempah pengacara majlis / DJ (termasuk PA sistem).
33.		Tempah katerer.
34.		Tempah jurufoto dan juruvideo.
35.		Tempah kedai bunga serta penghias lokasi majlis.
36.		Tempah cincin perkahwinan.
37.		Tempah kek pengantin.
38.		Tempah kumpulan persembahan.
39.		Tempah penginapan untuk tetamu.
40.		Tempah kenderaan untuk majlis perkahwinan.
41.		Tempah penggubah hantaran.
42.		Beli barang hantaran.
43.		Hadiri kursus perkahwinan.
44.		Buat pemeriksaan kesihatan (HIV).
45.		Buat rawatan muka.
	<b>4 BULAN PRA-MAJLIS</b>	
46.		Pilih dan tempah kad jemputan.
47.		Sediakan peta lokasi.
48.		Beli cincin perkahwinan.
49.		Tempah atau beli cenderahati untuk tetamu.

50.		Tempah atau beli <i>corsage</i> untuk ahli keluarga dan penangguh.
51.		Tinjau gerak kerja pereka pakaian.
52.		Tinjau lokasi majlis.
53.		Beli hadiah untuk ibu bapa dan mereka yang terlibat dalam gotong royong.
54.		Beli hadiah istimewa untuk bakal pasangan (selain hantaran).
55.		Pastikan semua kelengkapan perkahwinan telah ditempah.
56.		Bayar deposit (jika perlu).
<b>3 BULAN PRA-MAJLIS</b>		
57.		Serahkan borang permohonan perkahwinan yang lengkap kepada Pejabat Agama Negeri masing-masing.
58.		Sediakan senarai tugas untuk ahli keluarga.
59.		Sahkan tempahan pakej juruandam.
60.		Sahkan tempahan penggubah bunga dan penghias lokasi majlis.
61.		Sahkan tempahan pengacara majlis / DJ. Sahkan tempahan pakej jurufoto dan juruvideo.
62.		Sahkan tempahan kedai bunga serta penghias lokasi majlis.
63.		Sahkan tempahan kek pengantin.

64.		Sahkan tempahan kumpulan persembahan.
65.		Sahkan tempahan penginapan untuk tetamu.
66.		Sahkan tempahan percutian bulan madu.
67.		Serahkan barang hantaran kepada penggubahnya (kecuali makanan).
68.		Buat temujanji dengan katerer untuk bincang menu dan merasa makanan.
69.		Buat tempahan untuk melakukan spa.
70.		Pilih studio yang sesuai untuk gambar potret.
71.		Pilih senarai lagu / nasyid.
72.		Tulis alamat tetamu pada kad jemputan.
73.		Mula membungkus cenderahati tetamu.
<b>2 BULAN PRA-MAJLIS</b>		
74.		Hubungi Jabatan Agama Negeri untuk menyemak status permohonan nikah. Pos kad undangan bagi saudara atau rakan yang jauh.
75.		Bincang aturcara majlis bersama penyelaras majlis atau perunding majlis perkahwinan.
76.		Bincang aturcara dan skrip ucapan bersama pengacara majlis.
77.		Cetak aturcara majlis.
78.		Aturkan tempat tinggal bagi saudara dan rakan terdekat yang datang dari jauh.

79.		Mengaturkan sesi penggambaran di studio.
80.		Buat temujanji dengan jurusolek untuk mencuba solekan.
81.		Rancang kedudukan tempat duduk tetamu.
<b>1 BULAN PRA-MAJLIS</b>		
82.		Mengirim undangan untuk rakan dan keluarga yang tinggal berdekatan.
83.		Bincang panduan yang disediakan bersama jurufoto dan juruvideo.
84.		Bincang senarai tugas bersama ahli keluarga.
85.		Buat rawatan muka dan badan.
86.		Mencuba pakaian termasuk aksesori dan mengambilnya dari pereka.  Memastikan semua keperluan majlis sudah dibeli, dipinjam atau disewa.
87.		Sediakan hiasan meja.
88.		Pastikan cincin anda dalam ukuran yang betul.  Cuba kasut kahwin dan latih menggayakannya.
89.		Berlatih senyum setiap hari.
<b>2 - 3 MINGGU PRA-MAJLIS</b>		
90.		Hubungi Pejabat Agama Negeri untuk mengesahkan kehadiran Pendaftar Pernikahan.
91.		Pastikan semua urusan berkaitan dengan prosedur pernikahan telah selesai.



92.		Serahkan permohonan cuti kepada majikan.
93.		Selesaikan semua urusan kerja sebelum bercuti.
94.		Sahkan jumlah tetamu dan maklumkan pada katerer.
95.		Aturkan kembali pengangkutan untuk majlis perkahwinan.
96.		Sahkan semula percutian bulan madu (termasuk tiket penerbangan).
97.		Mula kemas beg untuk bulan madu.
98.		Sediakan duit pembayaran untuk jurunikah, saksi, dan perkhidmatan profesional perkahwinan dalam sampul surat.
99.		Tugaskan seseorang untuk memberikan duit pembayaran tersebut.
100.	<b>1 MINGGU PRA-MAJLIS</b>	
101.		Pastikan anda sudah bercuti.
102.		Pastikan pakaian pengantin sudah diambil atau diterima.
103.		Sahkan kembali semua perkhidmatan perkahwinan yang telah ditempah.
104.		Sahkan semua perincian dengan katerer.
105.		Siapkan hantaran dan cenderahati (dalam bentuk makanan).
106.		Mulakan kerja-kerja menghias pelamin dan bilik tidur.
107.		Buat rawatan muka dan badan yang terakhir.
108.		Tugaskan seseorang untuk menjaga barang berharga.

109.		Sediakan dan pasang papan tanda (petunjuk arah lokasi majlis).
110.		Aturkan taklimat tugas kepada semua pembantu anda.
111.		Buat raptai untuk majlis resepsi.
112.		Semak berulang kali senarai ini dan senarai semak.
<b>SEHARI PRA-MAJLIS</b>		
113.		Pastikan barang yang dipinjam/disewa/ditempah sudah diterima.
114.		Pastikan kerja-kerja akhir telah disiapkan oleh pembantu-pembantu anda.
115.		Pakai inai di jari.
116.		Rehat dan tidur awal!
<b>HARI MAJLIS PERKAHWINAN</b>		
117.		Bangun awal pagi dan tenangkan diri dengan solat sunat.
118.		Pastikan ada banyak masa untuk bersiap.
119.		Pastikan anda makan dan rehat dengan cukup.
120.		Lalui majlis dengan penuh gembira!